

## **BAB LIMA**

# **INTIFADAH DAN REALITI DI DALAM PEMBINAAN PERADABAN PALESTIN**

### **5.1 Pengenalan**

Taktik serangan berani mati yang menjadi simbol semangat dan kekuatan rakyat Palestin untuk terus berjuang bagi mendapat serta membina peradaban mereka telah mendapat tindak balas yang kejam daripada Israel dengan alasan ia sebagai usaha memerangi keganasan. Malah jenayah yang dilakukan oleh Israel semakin berleluasa apabila ia dilindungi oleh Amerika Syarikat yang menyifatkan Israel sebagai mangsa keganasan.

Realitinya wujud keganasan tersebut adalah berpunca daripada tindakan Israel. Walau bagaimanapun hal ini tidak dipedulikan oleh Amerika Syarikat kerana terdapat persengkolan di antara keduanya. Malah selepas kejadian serangan WTC, ia memberi kesan yang mendalam terhadap Palestin kerana Israel menggunakan pengaruhnya bagi mendesak Amerika Syarikat untuk menekan negara yang cuba menghalang matlamatnya untuk menguasai Palestin seperti yang terjadi kepada Iraq.

Melihatkan situasi tersebut, perbincangan di dalam bab ini akan cuba mengupas bagaimana pergerakan Intifadah rakyat Palestin terpaksa berdepan dengan pelbagai halangan dan cabaran di dalam usaha untuk mendirikan negara mereka memandangkan Israel didalangi oleh kuasa-kuasa besar. Selain itu, perbincangan ini juga akan melihat bagaimana gerakan Intifadah menjadi lebih sukar selepas serangan

ke atas WTC di mana Palestin telah disifatkan menjadi sarang pengganas oleh Barat akibat tindakan yang dilancarkan oleh kumpulan Intifadah. Turut juga dibincangkan bagaimana gerakan Intifadah terpaksa bertindak bersendirian memandangkan badan-badan antarabangsa tidak dapat membantu kerana Yahudi menggunakan pengaruhnya untuk melobi supaya tindakannya disokong.

## **5.2 Trauma Serangan WTC**

Serangan yang berlaku ke atas menara berkembar World Trade Centre dan Pentagon di New York pada 11 September 2001 telah membangkitkan semula persepsi buruk dunia Barat terhadap Islam<sup>1</sup> di mana sejarah pernah melakarkan masyarakat Barat sering menggambarkan Islam sebagai agama yang mewakili kemunduran dan keganasan. Pelabelan yang diberi, walaupun tidak tepat dan tidak adil kepada penganut agama Islam, namun tindakan yang dilakukan oleh sekelompok individu yang menganut agama Islam seolah-olah membenarkan pernyataan tersebut. Tragedi 11 September 2001 ke atas Amerika Syarikat misalnya terus menjarakkan lagi pemahaman Barat terhadap Islam sekaligus membawa keretakan hubungan di antara keduanya.

Sungguhpun keretakan hubungan Barat dan Islam belum mewujudkan satu bentuk pertembungan memandangkan kedua-duanya masih dapat berinteraksi namun secara tidak langsung ia telah memberi impak negatif kepada kumpulan-kumpulan Islam yang berjuang untuk membebaskan tanahair apabila mereka turut digelar sebagai pengganas dan harus diperangi. Malah operasi menentang pengganas yang diiytiharkan oleh Amerika selepas serangan ke atas WTC telah memberikan

kelebihan dan kebebasan kepada kuasa pendudukan di negara Islam seperti di Palestin, Kashmir, China Filipina dan Checnya untuk menghancurkan pergerakan-pergerakan kemerdekaan di sana. Hal ini kerana mereka menggambarkan situasi mereka adalah hampir serupa dengan kes serangan ke atas Amerika dan menganggap Islam serta golongan Islam ekstrem sebagai musuh utama.<sup>2</sup>

Walaupun serangan yang dilakukan ke atas WTC masih tidak dapat diketahui pelakunya namun Afghanistan telah pun diserang kononnya bekerjasama dengan penganas apabila tidak menyerahkan Osama bin Laden yang dituduh melakukannya menurut perspektif Amerika Syarikat lantaran sikap prejudisnya terhadap Islam. Secara tidak langsung ia telah menggambarkan bahawa Islam akan sentiasa dianggap pencetus keganasan tanpa melihat mengapa keganasan tersebut dicetus. Bagi Bush setiap manusia yang beragama Islam perlu dicurigai kerana mereka cenderung untuk melakukan keganasan.<sup>3</sup>

Lantaran itulah apabila berlaku keganasan, pemimpin dan media Barat akan menuduh Islam sebagai puncanya. Oleh itu orang Islam perlu dicurigai dan diawasi.<sup>4</sup> Tanggapan yang sebegini pastinya akan menguntungkan pihak lawan Islam seperti di dalam konflik Palestin dan Israel di mana kumpulan Intifadah rakyat Palestin dikaitkan dengan keganasan dan tindakan Israel melakukan kekejaman dianggap mempertahankan diri daripada keganasan. Ketiadaan satu defenisi tentang keganasan akan terus menyebabkan ketidakadilan berlaku seperti yang terjadi kepada rakyat Palestin.

### **5.2.1 Reaksi Negatif Kepada Intifadah Palestin**

Walaupun tujuan serangan ke atas WTC yang dilakukan oleh kumpulan pengganas bagi menggambarkan kekecewaan, kemarahan dan dendam di atas ketidakadilan dasar luar Amerika Syarikat<sup>5</sup> khususnya di Palestin<sup>6</sup> namun ia sebenarnya menambahkan kerumitan di dalam konflik Palestin dan Israel. Tindakan tersebut telah berjaya menerbitkan rasa simpati masyarakat Barat terhadap Israel kerana melalui pengalaman yang sama daripada serangan WTC telah meyakinkan mereka bahawa Israel terpaksa bertindak kejam akibat diburu ketakutan daripada serangan keganasan melalui siri-siri serangan berani mati yang dilancarkan oleh kumpulan Intifadah. Oleh itu, serangan ke atas WTC yang pada mulanya untuk menguatkan perjuangan Intifadah bagi memberitahu dunia tentang kesengsaraan Palestin telah bertukar menjadi sebaliknya.

Perubahan ini jelas telah membuka peluang kepada Israel untuk meningkatkan aktiviti keganasan terhadap penduduk Palestin kerana ia mendapat sokongan daripada Amerika Syarikat yang menjalankan kempen memerangi keganasan. Sedangkan sebelum tragedi ke atas WTC, Israel gagal untuk meyakinkan dunia bahawa kumpulan pejuang Palestin adalah pengganas walaupun kumpulan tersebut menyerang orang ramai dengan mengorbankan diri.<sup>7</sup> Ketika tumpuan dan perhatian dunia beralih kepada serangan keganasan di WTC, Israel memanfaatkan peluang ini dengan melakukan siri kekejaman terhadap rakyat Palestin. Malah Israel sengaja mencetuskan provokasi supaya tindakbalas yang dilakukan oleh kumpulan pejuang Palestin memberi satu alasan kepada mereka untuk bertindak lebih ganas

dan secara tidak langsung dapat memperluaskan pendudukan dan penempatan haram Yahudi.<sup>8</sup>

Sepatutnya apa yang diperlakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin akan membuatkan negara Arab menjadi bersatu bagi menyokong perjuangan Palestin. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak menjadi kenyataan kerana Israel yang didukung oleh AS ternyata telah berjaya menggerunkan negara Arab untuk bertindak kerana takutkan ancaman daripada AS yang menjalankan kempen memerangi keganasan dengan membahagikan dunia kepada dua iaitu samada bersama-sama AS untuk memerangi keganasan atau sebaliknya. Atas alasan ini jugalah negara Arab terpaksa memberi kerjasama dengan AS untuk menyerang Iraq yang dianggap oleh AS sebagai bukan pencerobohan tetapi tindakan awal mempertahankan diri di mana Iraq berkemungkinan menggunakan senjata yang boleh mendatangkan kemusnahan besar ke atas AS.<sup>9</sup> Walhal tindakan AS didorong oleh sumber minyak bagi menguasai Timur Tengah dan untuk melindungi Israel.<sup>10</sup>

Walaupun berlakunya sentimen anti barat di kalangan rakyat negara Arab akibat peperangan ke atas Afgansitan dan perang di Iraq tetapi kuasa rakyat Arab tidak mampu untuk berbuat apa-apa memandangkan kepimpinannya bersikap talam dua muka di dalam isu ini iaitu membenci Israel tetapi dalam masa yang sama mengikut telunjuk AS.<sup>11</sup> Kesannya negara Arab menjadi pro AS untuk pengekaln kuasa dan terpaksa berdiam diri daripada bertindak. Kerana itu, di negara Arab tidak ada amalan demokrasi dan tidak ada kebebasan rakyat. Sebaliknya yang ada hanyalah pemerintahan yang berdasarkan pengekaln kuasa oleh pihak tertentu khususnya tentera dan pemerintahan monarki.<sup>12</sup>

Ketiadaan sikap saling bahu membahu ini menjadikan Palestin sebagai mangsa dan terpaksa bertindak sendirian. Malah sikap permusuhan sesama sendiri di antara mereka turut memberi kerugian kepada Palestin. Pencerobohan Iraq ke atas Kuwait misalnya menyebabkan beribu-ribu rakyat Palestin diusir keluar dari Kuwait memandangkan PLO ketika itu mengambil pendekatan menyokong Iraq dan sekarang apabila rejim Saddam di gulingkan oleh AS, sekali lagi rakyat Palestin menjadi mangsa apabila kehilangan penaja kerana selama ini Iraq banyak memberikan bantuan kewangan kepada kumpulan Intifadah.

Realitinya serangan WTC telah memberi impak negatif kepada Palestin memandangkan perjuangan kumpulan Intifadah sering ditekan atas alasan memerangi keganasan. Walau bagaimanapun pada hakikatnya adalah tidak adil untuk melabelkan pejuang Palestin sebagai pengganas. Ini kerana mereka menggunakan keganasan sebagai satu tindak balas kepada keganasan yang dilakukan oleh pihak penguasa Israel di samping ketiadaan saluran bagi menuntut keadilan.<sup>13</sup> Namun persepsi sebegini tidak terdapat di kalangan masyarakat Barat. Intifadah rakyat Palestin sekarang telah ditekan dan dipaksa untuk menerima perdamaian Road Map yang ditaja oleh AS dan kuasa-kuasa besar bagi penubuhan sebuah negara Palestin menjelang 2005.<sup>14</sup>

Kumpulan Intifadah bukanlah tidak mahu menerima perdamaian, namun sikap Israel yang sering mencabuli perjanjian sebelum ini dan ketidakadilan di dalam syarat perdamaian memberikan imej negatif kepada kumpulan Intifadah untuk tidak mempercayai rundingan dan membuatkan mereka tetap melakukan Intifadah. Kerana

itulah kumpulan Intifadah sering melancarkan serangan berani mati dan menolak perdamaian serta cuba mendapatkan peradaban mereka melalui pertumpahan darah.

### **5.3 Penyingkiran Arafat**

Israel yang gagal untuk menghapus semangat juang Intifadah rakyat Palestin akhirnya telah membuat satu pendekatan baru sebagai usaha mengekang kumpulan tersebut iaitu dengan meletakkan syarat perdamaian hanya boleh berlaku sekiranya kepimpinan Palestin yang diterajui oleh Arafat ditukar. Meskipun Arafat menyokong perdamaian dengan Israel seperti di dalam Perjanjian Oslo namun bagi Israel, Arafat patut disingkirkan memandangkan Arafat dituduh sebagai menyokong keganasan kerana Intifadah masih belum dapat dikekang.

Sungguhpun Arafat cuba menyelesaikan masalah Palestin melalui jalan perundingan dan situasi ini berbeza dengan kumpulan Intifadah tetapi Arafat bukanlah pengkhianat bangsanya sendiri yang sanggup melakukan aksi kekejaman terhadap kumpulan Intifadah. Di atas sebab inilah Israel menyingkirkannya dan menggantikannya dengan pemimpin yang dapat mengikut telunjuk Israel dan Amerika Syarikat. Bagi Israel selagi Arafat masih dikekalkan kuasa maka selagi itulah perdamaian tidak dapat dijalankan. Arafat pula tiada pilihan lain dan beliau bersetuju dengan perubahan baru yang diharap boleh membawa kepada penubuhan negara Palestin.<sup>15</sup>

Meskipun kuasa Arafat telah dikurangkan melalui penubuhan jawatan Perdana Menteri namun pengaruh Arafat tidak berkurangan kerana beliau merupakan penggerak semangat perjuangan Palestin. Perletakan jawatan Mahmud

Abbas selepas hanya menjawat jawatan Perdana Menteri selama 100 hari membuktikan pengaruh Arafat masih kuat terutamanya di dalam kumpulan perjuangan Islam yang tidak bersetuju dengan Road Map yang turut di dakwa oleh Arafat banyak merugikan rakyat Palestin.<sup>16</sup> Keadaan inilah yang membawa kesukaran kepada Mahmud Abbas untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri kerana selain tidak mendapat sokongan daripada Arafat, kumpulan pejuang Palestin tetap berterusan melakukan aksi penentangan secara kekerasan terhadap Israel.<sup>17</sup>

Sungguhpun kumpulan Intifadah seperti Hamas dan Jihad Islam tidak bersetuju dengan tindakan rundingan perdamaian yang diambil oleh Arafat semasa mengetuai kerajaan Palestin, namun mereka tidak akan membiarkan Arafat dihapuskan oleh Israel. Israel sebenarnya bercita-cita bukan setakat untuk menyingkirkan Arafat daripada pemerintahan Palestin atau mengenakan tahanan rumah seperti yang dilalui Arafat sekarang bahkan mereka cuba hendak membunuhnya seperti yang dituntut oleh kumpulan ekstremis di dalam kerajaan Sharon.<sup>18</sup>

Hal ini kerana Arafat menjadi simbol penyatuan perjuangan rakyat Palestin di samping menjadi penggerak penentangan terhadap Israel. Teori Israel ialah sekiranya Arafat dibunuh, maka perjuangan rakyat Palestin menjadi lemah dan penentangan terhadap Israel dapat diakhiri kerana kehilangan ketua mereka. Bagi kumpulan Intifadah Israel memang berkeupayaan untuk membunuh sesiapa sahaja tetapi mereka tidak akan sama sekali menghentikan perjuangan. Ini seperti yang dinyatakan oleh Marwan Barghouti bahawa Israel melakukan kesilapan sekiranya



menyangkakan kematian Arafat akan mengakhiri penentangan kumpulan Intifadah terhadap Israel.<sup>19</sup>

Melihatkan implikasi yang jauh lebih besar merugikan Israel jika Arafat dibunuh memandangkan ia pastinya mewujudkan penentangan serta perbuatan membalas dendam rakyat Palestin di samping mengundang simpati masyarakat dunia<sup>20</sup> terhadap perjuangan rakyat Palestin, maka cadangan pembunuhan Arafat tidak dilaksanakan. Walau bagaimanapun Arafat menjadi seolah-olah terbuang apabila peranannya kini tidak diperlukan kerana dianggap tidak layak untuk berunding dengan Yahudi<sup>21</sup>

Sungguhpun begitu, kumpulan Intifadah tidak yakin dengan sesi rundingan atau perdamaian. Ini kerana sesiapa sahaja yang dilantik menjadi pemimpin Palestin oleh Israel perlu memikul tanggungjawab dan mengambil tindakan seperti menyerahkan senarai orang yang dikehendaki Israel, menangkap semua pengganas, memansuhkan Hamas, kumpulan Jihad Islam dan kumpulan militan pergerakan Fatah yang dipimpin Arafat, merampas semua senjata haram dan bersedia terbabit di dalam usaha membanteras keganasan terhadap Israel.<sup>22</sup>

#### **5.4 Kekebalan dan Penguasaan Yahudi**

Sememangnya perjuangan Intifadah rakyat Palestin terpaksa berdepan dengan pelbagai kesukaran dan rintangan memandangkan Israel bukan setakat memiliki kekuatan yang jauh berganda banyaknya daripada Palestin, tetapi ia juga telah berjaya memerintah serta menguasai dunia apabila Amerika Syarikat yang

merupakan kuasa besar dunia juga turut tunduk kepada Israel. Kejayaan yang didasarkan kepada pengaruh yang kuat di dalam rumah putih, sikap diplomasi, lobi serta penguasaan Yahudi terhadap media massa<sup>23</sup> secara tidak langsung telah membolehkan Israel bebas melakukan segala bentuk keganasan terhadap rakyat Palestin tanpa dikenakan sebarang tindakan. Malah segala tindakan Israel tidak boleh dipersoalkan. Sesiapa sahaja yang mengatakan Israel melakukan kezaliman, tidak patuh kepada undang-undang antarabangsa atau memburuk-burukkan Yahudi akan dianggap sebagai antisemitik. Kenyataan antisemitik ini seolah-olah satu gambaran bahawa ia sebagai rasist, tidak wajar dan tidak rasional.<sup>24</sup> Negara Eropah pula, walaupun menyedari tindakan kekejaman yang dilakukan oleh rakyat Israel tetapi membiarkannya kerana turut takut dituduh sebagai anti semetik kali kedua akibat rasa bersalah mereka terhadap Yahudi dengan pembunuhan enam juta bangsa itu dalam peristiwa Holocaust pada Perang Dunia Kedua.<sup>25</sup>

Sepatutnya penderitaan yang dialami oleh Yahudi di dalam peristiwa Holocaust telah melahirkan rasa simpati mereka sekiranya bangsa-bangsa lain tertindas. Walau bagaimanapun hal ini tidak terjadi. Sebaliknya mereka melakukan kekejaman terhadap rakyat Palestin seolah-olah membalas dendam di atas penderitaan mereka di dalam Holocaust walaupun bukan rakyat Palestin yang menyebabkan keadaan tersebut.

Kerana itu jugalah Holocaust telah memberi kekuatan dan rasa penyatuan terhadap bangsa Yahudi samada yang tinggal di Israel ataupun selainnya. Sifat penyatuan inilah yang melahirkan rasa pengukuhan Yahudi. Kesannya, Israel walaupun merupakan negara ke-100 kecil di dunia dan jumlah penduduk hanya

empat juta tetapi telah boleh *survive* dan mengecapi kejayaan di tengah-tengah bahang 280 juta Arab.<sup>26</sup> Sebaliknya walaupun negara Arab berada di sekeliling Palestin dan jumlah mereka berganda banyaknya daripada Israel namun mereka masih tidak mampu untuk mempertahankan Palestin kerana tidak adanya penyatuan di antara mereka .

Sifat talam dua muka Amerika Syarikat yang kononnya berusaha untuk mencari jalan penyelesaian di dalam konflik Palestin–Israel tetapi dalam masa yang sama menjadi sekutu rapat Israel menambahkan lagi pengukuhan tindakan Yahudi ke atas Palestin. Ketidakjujuran AS sebagai orang tengah di dalam menyelesaikan masalah Palestin dapat dilihat apabila AS menggunakan kuasa vetonya untuk membatalkan resolusi PBB yang menggesa Israel menghentikan ancamannya untuk mengusir Yasir Arafat,<sup>27</sup> selain tidak adil di dalam menafsirkan istilah pengganas. AS tidak pernah menganggap Israel sebagai negara pengganas walaupun diketahui negara tersebut telah membunuh dan merampas tanah rakyat Palestin. Malah Israel juga dibiarkan membina senjata nuklear dan tidak pernah mana-mana pasukan senjata di tugaskan untuk meninjau fenomena yang berlaku di Israel itu.<sup>28</sup> Sedangkan serangan ke atas Iraq telah dilakukan pada 17 Mac 2003 yang lalu atas alasan Iraq mendukung keganasan dan membina kemudahan nuklear meskipun tidak ada bukti yang cukup seperti yang dinyatakan oleh pemeriksa Bangsa-Bangsa Bersatu<sup>29</sup>

Dukungan yang tidak berbelah bahagi AS terhadap Israel membuktikan yang AS tidak bersungguh-sungguh untuk mencari penamat bagi konflik ini. Malah tindakan inilah yang menyebabkan Israel merasakan diri mereka begitu hebat dan berkuasa kerana AS pastinya akan menyebelahi mereka. lantaran penguasaan mereka

di dalam kerajaan AS. Atas alasan itulah, Sharon tidak pernah melepaskan peluang mendabik dada untuk menunjukkan kepada negara Arab yang kerajaan Amerika dikuasai serta ditadbir oleh Israel dan hakikat ini juga telah diketahui oleh Amerika.<sup>30</sup> Keangkuhan dan kesombongan Israel yang mendapat sokongan AS telah menyebabkan mereka bermaharajalela dengan melakukan pelbagai bentuk keganasan, pembunuhan, serangan serta pengeboman di Palestin termasuk negara-negara yang berjiran dengannya.<sup>31</sup>

Malah serangan ke atas Syria pada 5 Oktober 2003 yang lalu juga menunjukkan niat sebenar Israel bukan setakat mempertahankan negaranya malah bercita-cita untuk memperluaskan pengaruh dengan harapan dapat membentuk sebuah negara Israel Raya. Tindakan Israel menyerang Syria sebenarnya sebagai langkah awal negara Yahudi itu mengheret AS menjayakan matlamatnya untuk melumpuhkan Syria yang kini dianggap ancaman baru bagi Israel selepas Iraq yang sudah berada di bawah pentadbiran Bush.<sup>32</sup> Israel mempunyai hak untuk mempertahankan dirinya dan tidak perlu rasa terhad untuk mempertahankan tanah airnya kata Presiden George W. Bush yang mempertahankan tindakan Israel menyerang Syria.<sup>33</sup>

Sikap talam dua muka AS jelas kelihatan apabila ia berkaitan dengan dunia Arab dan AS menggunakan sikap ini untuk melindungi kepentingannya. Situasi inilah yang menekan rakyat Palestin untuk tidak percaya dengan rundingan perdamaian dan tetap berpegang dengan Intifadah. Sekiranya hasrat AS begitu jujur untuk membantu rakyat Palestin, sudah lama ia boleh berbuat demikian. Ketika pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, AS misalnya telah membantu menyerang Iraq di

samping mengenakan tindakan serta sekatan ekonomi hingga melumpuhkan ekonomi Iraq. Kuwait kini telahpun mendapat kembali wilayahnya tetapi Israel yang telah melakukan pencerobohan ke atas wilayah Palestin masih dibiarkan berkuasa dan terus mengganas.

Sekiranya logik akal dipakai ternyata perjuangan Intifadah tidak akan mampu mengalahkan Israel berdasarkan kekuatan yang dimiliki mereka namun bagi kumpulan Intifadah, hal itu bukanlah penyebab untuk mereka menyerah kalah. Kumpulan aliran Islam misalnya mengajak rakyat Palestin kembali kepada penghayatan agama Islam dengan meletakkan pergantungan kepada Allah. Perang Badar sendiri telah memperlihatkan jumlah kekuatan bukanlah penyebab kepada kemenangan. Malah punca kekuatan dan penguasaan Israel ke atas dunia ialah kerana mereka kuat berpegang dengan ajaran agama mereka yang terkandung di dalam protokol zion bahawa mereka adalah sebagai bangsa pilihan tuhan dan pemimpin ke atas bangsa lain.

## **5.5 Kegagalan Pertubuhan dunia**

### **5.5.1 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**

PBB yang ditubuhkan pada tahun 1945 di atas inisiatif Amerika Syarikat sewajarnya dapat bertindak membela rakyat Palestin daripada kekejaman Israel sejajar dengan penubuhannya yang bertujuan bagi menjamin keselamatan dan keamanan dunia. Walau bagaimanapun sehingga kini PBB gagal untuk berbuat demikian dan tidak dapat mengambil tindakan kekerasan terhadap Israel sedangkan pelbagai resolusi

yang dikeluarkan bagi menentang tindakan pencerobohan Israel dan kekejamannya sering dilanggar oleh negara tersebut.

Walaupun setiap resolusi yang dicetuskan oleh PBB adalah berpihak kepada Palestin dan sebagai lambang pembelaan badan tersebut, tetapi ketiadaan pelaksanaan yang tegas untuk mendesak Israel supaya mematuhi resolusi tersebut menyebabkan rakyat Palestin berputus asa dengan rundingan perdamaian bagi menyelesaikan konflik di antara mereka.<sup>34</sup>

Keadaan tersebutlah yang menyebabkan Intifadah dengan serangan berani mati sering menjadi pilihan rakyat Palestin untuk mengusir Israel dan sekiranya bergantung dengan PBB mereka hanya akan mendapat kekecewaan kerana PBB terpaksa tunduk kepada pengaruh AS sebagai kuasa veto di dalam Majlis Keselamatan PBB yang bertindak mempertahankan Israel demi kepentingannya.<sup>35</sup> Kerana itulah walaupun sebanyak 30 resolusi yang telah dikeluarkan oleh PBB semenjak 1967 iaitu selepas pendudukan Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza yang mana sebahagian besarnya mendesak pengunduran Israel namun resolusi ke atas Israel berlalu tanpa sebarang tindakan kerana sokongan oleh AS.<sup>36</sup> Penguasaan AS ke atas PBB telah membuatkan peranan badan itu yang sepatutnya menjadi pengamal undang-undang antarabangsa telah diketepikan dan tidak mampu berbuat apa-apa di dalam masalah Palestin.

Usaha untuk menyelesaikan konflik melalui jalan perundingan dengan PBB sebagai orang tengah adalah amat sukar kerana selain sikap Israel yang bersikap angkuh kerana mendapat pembelaan AS, hubungan Israel dan PBB adalah tidak

baik dan seringkali mewujudkan permusuhan. Hal ini kerana Israel mendakwa PBB bersikap berat sebelah kepada Palestin berdasarkan semua resolusi yang diluluskan adalah berpihak kepada Palestin telah menyebabkan Israel enggan untuk mematuhi resolusi tersebut dan menyifatkannya sebagai tidak bermakna. Walaupun penubuhan negara Israel adalah melalui usaha PBB namun kerenggan hubungan ini sudah pastinya menyulitkan penyelesaian melalui rundingan. Selain itu, ketidakpercayaan Israel terhadap PBB untuk menangani konflik di antara keduanya dapat dilihat apabila Israel menuduh Majlis Keselamatan PBB dan masyarakat dunia yang lain bersikap hipokrit apabila ancamannya untuk mengusir Arafat yang merupakan pengganas telah ditentang tetapi hanya berdiam diri apabila wanita dan kanak-kanak Israel terbunuh di jalan raya di Israel.<sup>37</sup>

Oleh itu, di dalam usaha untuk menjayakan sesi rundingan perdamaian, PBB bukan setakat perlu meyakinkan Israel bahkan rakyat Palestin yang menyokong perjuangan Intifadah kerana selama 50 tahun badan tersebut hanya mampu mengeluarkan pelbagai resolusi tanpa sebarang tindakan sekaligus menunjukkan ketidupayaannya menyelesaikan konflik tersebut.

### **5.5.2 Kesatuan Eropah ( EU )**

Seperti PBB , Kesatuan Eropah (EU) juga turut mempercayai rundingan berbanding cara Intifadah rakyat Palestin di dalam mengatasi konflik Palestin dan Israel. Road Map yang ditaja oleh EU bersama-sama dengan PBB dan negara yang lain membuktikan salah satu usaha dan kesungguhan EU untuk membawa jalan perdamaian kepada kedua-dua negara tersebut. Bahkan EU sudah lama didesak oleh

negara Arab bagi memainkan peranan yang lebih aktif di dalam proses perdamaian bagi meredakan sikap berat sebelah AS terhadap Israel.<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun EU terpaksa menghadapi cabaran yang sukar apabila kedua-dua belah pihak samada Palestin atau Israel tidak bersetuju dengan pendirian EU. Ini kerana meskipun EU merupakan penyumbang terbanyak PA untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat Palestin tetapi kumpulan Intifadah rakyat Palestin misalnya tidak bersetuju dan mengutuk pendirian EU yang mengisytiharkan Hamas dan Jihad Islam adalah kumpulan pengganas. Keadaan ini menyebabkan kumpulan Intifadah akan menyambung misi keganasan mereka menentang penguasaan Israel.<sup>39</sup> Israel pula menuduh EU adalah berat sebelah kerana menuduh Israel melakukan keganasan sedangkan menurut Israel, EU sendiri mendermakan wang kepada pihak PA yang menjalankan keganasan.<sup>40</sup> Selain itu, Israel juga menuduh EU adalah bersikap anti semistik apabila EU melalui soal selidiknyanya menuduh Israel merupakan ancaman terbesar kepada keamanan dunia. Kerana itu Israel bercadang mengenyahkan EU dan negara anggotanya di dalam proses damai di Timur Tengah pada masa hadapan.<sup>41</sup>

Sungguhpun EU berusaha untuk membawa perdamaian kepada kedua-dua buah negara tersebut namun peranannya masih belum dapat menghentikan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin. EU sebenarnya boleh menghentikan keganasan tentera Israel sekiranya menekan Israel di dalam soal kewangan memandangkan Israel adalah rakan dagangnya yang penting. Walau bagaimanapun EU masih tidak bersedia untuk membekukan kegiatan dagangannya dengan Israel.<sup>42</sup>



### 5.5.3 OIC

OIC atau Organization of the Islamic Conference yang ditubuhkan pada tahun 1969 merupakan sebuah pertubuhan bagi negara-negara Islam menjalinkan kerjasama dan menjalin perpaduan seluruh umat Islam di samping mempertahankan kepentingannya. Isu Palestin sering menjadi perbincangan pada setiap kali persidangan di kalangan negara anggotanya yang kini sudah menjangkau 57 buah negara. Malah sejarah penubuhan OIC juga dikaitkan dengan Palestin di mana ia tertubuh bagi mencari perpaduan umat Islam ketika Masjid al-Aqsa diceroboh oleh Yahudi.<sup>43</sup> Sungguhpun begitu, isu Palestin sehingga 34 tahun penubuhan OIC masih belum dapat diselesaikan sedangkan pelbagai deklarasi dan ketetapan mengenainya telah banyak dikeluarkan.

Kegagalan OIC untuk menangani masalah Palestin yang diusahakan melalui cara politik menyebabkan rakyat Palestin terpaksa bertindak untuk menuntut hak mereka melalui Intifadah dan perjuangan bersenjata. Sewajarnya OIC boleh membantu rakyat Palestin memandangkan banyaknya jumlah penduduk Islam serta kekayaan minyak di negara Arab yang boleh dijadikan senjata bagi menyekat Israel dan sekutunya yang selama ini menindas rakyat Palestin<sup>44</sup> Walau bagaimanapun hal ini tidak berlaku kerana ketiadaan perpaduan dikalangan negara Arab untuk mengutamakan kepentingan piagam OIC berbanding kepentingan peribadi atau negara yang menyebabkan terjadinya kegagalan tersebut.

OIC sebenarnya pernah menyokong gerakan Intifadah Palestin dengan memberikan sokongan moral dan politik ketika persidangannya pada tahun 1989.

Tetapi ketika persidangannya yang ke-30 yang diadakan di Malaysia, negara anggotanya mengelak daripada menyatakan sokongan secara terbuka terhadap perjuangan tersebut walaupun mereka mengutuk kekejaman Israel. Malah mereka mengeluarkan deklarası bagi menyokong perdamaian di dalam mencari penyelesaian terhadap masalah Palestin di samping berjanji akan memberikan segala bentuk kerjasama terhadap usaha perdamaian yang dilakukan oleh badan antarabangsa.<sup>45</sup>

Pendekatan OIC yang cuba membawa keamanan kepada rakyat Palestin melalui sesi perdamaian memang merupakan suatu tindakan yang wajar tetapi malangnya Israel biasanya akan mencabuli perjanjian tersebut dan sebaliknya menyalahkan rakyat Palestin sehingga menyebabkan Intifadah terpaksa dilancarkan semula.

Sekiranya OIC benar-benar berharap perdamaian diwujudkan di antara Israel dan Palestin, mereka sepatutnya memastikan supaya perjanjian tersebut tidak putar belit, atau diubah oleh Israel bagi menjayakan matlamatnya.

## **5.6 Kesimpulan**

Walaupun Palestin seperti semua negara di dunia diletakkan di bawah undang-undang antarabangsa namun undang-undang antarabangsa yang diuruskan oleh PBB tidak mempunyai makna dan kekuasaan terhadap Palestin apabila badan tersebut gagal untuk mengambil sebarang tindakan kepada Israel meskipun ia jelas melanggar semua undang-undang yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan OIC yang hanya mempunyai kesepakatan di dalam membuat dasar tetapi tidak di dalam

pelaksanaannya. Ketidakmampuan badan tersebut untuk menangani masalah Palestin bukanlah disebabkan negara anggotanya tidak berkeupayaan tetapi lebih kepada sikap dan ketiadaan komitmen bagi pelaksanaan setiap rancangan yang telah dirangka untuk mengatasi masalah Palestin

Kekosongan ini memaksa rakyat Palestin untuk terus mengerakkan Intifadah walaupun mereka terpaksa bertindak sendirian untuk menentang Israel dan sekutunya. Liku perjuangan Intifadah menjadi semakin sukar selepas berlakunya serangan 11 September 2001 apabila ia mula dikaitkan dengan aktiviti keganasan yang menjadi kutukan hebat masyarakat dunia terutamanya di barat. Walaupun tekanan semakin hebat diberikan, realitinya bagi rakyat Palestin, Intifadah akan diteruskan sehingga pembebasan negara Palestin tercapai. Bukanlah mereka tidak mahukan perdamaian tetapi seringkali mereka tidak diberi pilihan untuk meletakkan syarat-syarat perdamaian dan ini menyedarkan mereka untuk berjuang melalui Intifadah.

## NOTA Hujung

1. Ulil Absyar Abdalla, *Dialog Bukan Konfrontasi*, <[http://islamlib.com/KOLOM/ulil\\_dialog.html](http://islamlib.com/KOLOM/ulil_dialog.html)> (22.11.2003)
2. Rosnani Hashim, "Imej Umat Islam Amerika Pascaperistiwa 11 September", *Pemikir*, Julai –September 2003, hlm. 14
3. Ahmad Yani Abd Manaf, "Wajarkah Keganasan dihalang dengan Keganasan", *Minda*, edisi Nov. 2001, hlm. 21
4. Ibid.
5. Pahrol Mohd Juoi, "Amerika Syarikat: Hilangnya Keadilan dan Kekuatan" *MINDA*, Edisi November 2001, hlm. 23
6. Mohammad Redzuan Othman, "Konflik di Palestin: Duri dalam Daging kepada Dialog Peradaban", *Madaniyat*, Jil.1, Bil.1, 2000 hlm. 7
7. Zin Mahmud, "Serangan 11 September Rugikan Islam", *MASSA*, 13-19 September 2003, hlm. 54
8. Ismail Mat, "Israel heret Amerika Takluk Syria", *Berita Minggu*, Ahad 19 Oktober 2003. hlm.16
9. Noorzila Jamaluddin, "Dunia Islam, Masih Tiada Angin Perubahan", *Al Islam*, Ogos 2003.hlm. 10
10. Daim Zainuddin, "Negara-negara Arab Kalahkan Perang Iraq", *Dewan Masyarakat* Julai 2003.hlm. 52
11. Noorzila Jamaluddin, "Dunia Islam, Masih Tiada Angin Perubahan", hlm.15
12. Ibid., hlm. 18
13. Rosnani Hashim, "Imej Umat Islam Amerika", hlm. 13
14. Sutejo Atmowasita dan Agus Subagyo, *Negara Palestin Merdeka Tahun 2005*, <<http://www.erasoslem.com/br/an/39/7747,1,v.html>>( 22 Disember 2003)
15. Ibrahim Abdul Rahman, "Sukar berdiri Negara Palestin, Walaupun Arafat Mendapat Pengiktirafan Seluruh Dunia", *Al Islam*, Julai 2003, hlm. 60
16. Muhd Izhar Abu Samah, "Arafat Tidak Sanggup Tinggalkan Kuasa", *MASSA* 13-19 September 2003, hlm.. 48
17. Ibid.

- 
18. Hassan Abu Taleb, *Israel has threatened To Kill Arafat, It Is Sign Of Despair*, (25 September –1 Oktober 2003), < <http://weekly.ahram.org.eg/2003/657/op.8.htm>> (12 Desember 2003)
  19. Chris Mc Greal, *Intifada Leaders Uses Courtroom to Point to One-State Solution*, (30 September 2003) < [http://www.ccmep.org/2003\\_articles/Palestine/093003\\_intifada\\_leader\\_uses\\_courtroom\\_t.htm](http://www.ccmep.org/2003_articles/Palestine/093003_intifada_leader_uses_courtroom_t.htm)> (12 Desember 2003)
  20. Ziauddin Shahrudin, “Arafat Pejuang Sharon ‘ Bulldozer’”, *Berita Minggu*, Ahad 21 September 2003, hlm. 9
  21. MASSA “ Arafat dan Abbas setuju untuk Berdamai”, 3-9 Mei 2003
  22. Muhd Izhar Abu Samah, Israel Mempermainkan Arafat, *MASSA*, 5-11 Oktober 2002, hlm. 48
  23. Mohd Zuki Pileh, ” Laporan Khas : Proksi Yahudi Ancam Dunia”, *MASSA*, 25-31 Oktober 2003, hlm.28
  24. *Mingguan Malaysia*, Wawancara Prof.Madya Dr. Muhammad Redzuan Othman, “Yahudi Tidak Boleh disentuh, Ahad 26 Oktober 2003, hlm. 7
  25. Mohd Zuki Pileh, “Laporan Khas: Proksi Yahudi Ancam Dunia”, hlm.28
  26. Daim Zainuddin, “Negara-negara Arab Kalahkan Perang Iraq”, hlm. 45
  27. *Berita Harian*, “Amerika Syarikat Restu Israel Bunuh Arafat”, Khamis, 18 September 2003, hlm. 19
  28. Ahmad Yani Abd Manaf, *Wajarkah Keganasan dihalang dengan Keganasan*, hlm. 22
  29. Rosnani Hashim, “Imej Umat Islam Amerika Pascaperistiwa 11 September, hlm. 18
  30. Daim Zainuddin, ”Negara Arab Kalahkan Perang Iraq”, hlm. 48
  31. Mohammad Abdullah, “Damai di Tebing Barat-Mimpi di Siang Hari”, *MINDA* Edisi Mei 2002 hlm. 59
  32. Ismail Mat, Israel Heret Amerika Takluk Syria, *Berita Minggu*, Ahad 19 Oktober 2003. hlm 16
  33. Ibid.
  34. Stephen Zunes, *Israel, the United States, and the United Nations*, <<http://www.tikkun.org/magazine/index.cfm/action/tikkun/issue/tik0305/article/030511b.html>>, (12 Desember 2003)

- 
35. MASSA, "Reformasi Elak PBB jadi Tungangan", 22-28 Februari 2003, hlm. 36
  36. Azlinariah Abdullah dan Wan Norazah Wan Chik, "Masih relevankah lagi PBB"? *Mingguan Malaysia*, Ahad 23 Mac 2003, hlm.6
  37. *Berita Minggu*, "Israel tuduh PBB Hipokrit", Ahad 14 September 2003, hlm. 11
  38. Fiona Symon, *Europe's growing Mideast role*, 7 Februari 2002, <[http://news.bbc.co.uk/2/low/middle\\_east/1804007.stm](http://news.bbc.co.uk/2/low/middle_east/1804007.stm)>, (14 Nov.2003)
  39. BBC News, *Palestinian militants reject 'terror' label*, <[http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/middle\\_east/1703980.stm](http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/middle_east/1703980.stm)>, (14 Nov.2003)
  40. World Union of Jewish Student, *Israel and The International Community*, <[http://www.wujs.org.il/activist/features/campaigns/israel\\_andthe\\_un.shtml](http://www.wujs.org.il/activist/features/campaigns/israel_andthe_un.shtml)>, (18 Nov 2003)
  41. CRI Online, *Hasil kaji Selidik Umum Jawatankuasa Kesatuan Eropah Menimbulkan Reaksi keras Israel*, <<http://my.chinabroadcast.cn/1/2003/11/04/2@4121.htm>>, (20 Nov 2003)
  42. Johan Huizinga, *Misi Uni Eropah ke Timur Tengah Tidak Banyak Memberi Harapan*, <[http://www.rnw.nl/ranesi/html/misi\\_uni\\_eropa.html](http://www.rnw.nl/ranesi/html/misi_uni_eropa.html)>, (20 Nov 2003)
  43. Munazzomah al-Muktamar al-Islami, *OIC in Brief*, <<http://www.oic-oci.org/>> (20 Nov.2003)
  44. IRNA, *OIC -Palestine*, <<http://www.irna.ir/Palestine/e118.htm>>, (22 Nov 2003)
  45. OIC Summit, *Declaration on al-Quds al Sharif and Palestine*, <<http://www.bernama.com/oicsummit/speechr.php?id=74&cat=BI>>, (25 Nov. 2003)